

**TEKS UCAPAN  
Y.BRS. PROFESOR Ts. DR. MASSILA KAMALRUDIN  
NAIB CANSOLOR  
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA**

---

**MAJLIS SAMBUTAN  
ULANGTAHUN UTeM KE 22 TAHUN**

*1 Disember 2022, 10.00 Pagi  
Dewan Canselor*

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

## **SALUTASI**

**BISMILLAHIRAHMANIRRAHIM..**

**Terima kasih Saudara/I Pengacara Majlis**

**Yang Berbahagia Profesor Datuk Ts. Dr. Shahrin bin Sahib**

Ahli Lembaga Pengarah UTeM

**Yang Berusaha Profesor Dr. Zulkiflie bin Ibrahim**

Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)

**Yang Berusaha Profesor Ir. Ts. Dr. Ghazali bin Omar**

Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

**Yang Berbahagia Profesor Madya Datuk Dr. Sabri bin Mohamad Sharif**

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)

Pegawai-pegawai Kanan UTeM, dan

Ahli Keluarga UTeM yang dihormati sekalian.

Assalamualaikum Warahmatullahi Taala Wabarakatuh

Salam Sejahtera

1. Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran kehadiran Allah SWT kerana dengan kurnia dan izin-Nya dapatlah kita sama-sama berhimpun dan bertemu di Dewan Canselor yang serba indah ini bersempena dengan Majlis Sambutan Ulangtahun UTeM ke 22 Tahun.

اونيورسيتي تيكنيكل مليسيا ملاك  
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

2. Pertama sekali, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada urusetia yang dipengerusikan secara bersama oleh Profesor Madya Datuk Dr. Sabri bin Mohamad Sharif (Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) dan En. Masdzarif bin Mahat (Ketua Pegawai Operasi) yang telah bertungkus lumus dalam memastikan penganjuran sambutan ulangtahun UTeM ke 22 tahun pada hari ini dapat berjalan dengan lancar dan jayanya. Walaupun pelbagai rintangan dan cabaran,

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

alhamdulillah majlis ini dapat juga dianjurkan seperti yang dirancang. Tahniah saya ucapkan!!!

3. Tidak lupa juga kepada seluruh keluarga UTeM yang bersama-sama meluangkan masa pada hari ini untuk kita mengeratkan lagi ukhuwah sesama kita. Diharapkan penganjuran majlis ini akan dapat merapatkan lagi hubungan kekeluargaan di antara keluarga UTeM tanpa mengira pangkat dan kedudukan.

**Keluarga UTeM yang saya hormati sekalian,**

4. Seperti yang semua sedia maklum, 1 Disember merupakan tarikh ulangtahun UTeM. Kecemerlangan UTeM pada hari ini adalah berkat usaha bersama kepimpinan Universiti dan warganya sejak dari awal penubuhan KUTKM pada 1 Disember 2000.
5. Alhamdulillah, walaupun baru berusia 22 tahun, UTeM terserlah dengan penawaran program akademik bidang kejuruteraan,



teknologi kejuruteraan dan teknologi yang berkualiti tinggi dan memenuhi keperluan industri semasa. Ahli akademik dan para penyelidik UTeM juga terserlah menerusi penglibatan aktif dalam bidang penyelidikan di peringkat nasional dan antarabangsa menerusi perolehan geran penyelidikan dan kolaborasi strategik bersama industri dan agensi ternama serta semua pihak yang berkaitan. Hasil penyelidikan ini bukan sahaja memberi impak kepada Universiti ini sendiri malah turut membantu dan menyokong

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

dalam melengkapi esosistem pembangunan industri dan kelestarian masyarakat setempat.

6. Siswa siswi UTeM pula, yang disemai dengan semangat nilai TUAH, turut terserlah di arena kebangsaan mahupun antarabangsa dalam pelbagai bidang, sekaligus membuktikan segala berkat usaha kita selama ini bagi melahirkan siswa dan graduan yang holistik dan seimbang, telah pun membuah dan menampakkan hasilnya.

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

7. Pelbagai lagi kejayaan demi kejayaan telah tercipta sepanjang 22 tahun penubuhan UTeM yang tidak sempat saya kongsi dalam ucapan ringkas saya ini. Contohnya, dalam aspek pembangunan universiti sendiri, pembangunan sumber manusia, kelestarian kewangan dan pelbagai aspek lagi, semuanya menunjukkan tren peningkatan yang membanggakan saban tahun. Semestinya setiap pencapaian pada hari ini merupakan hasil perjuangan kita semua, sebagai sebuah keluarga besar UTeM.

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

**Hadirin dan Hadirat yang saya hormati sekalian,**

8. Tema Majlis Sambutan Ulangtahun UTeM ke 22 tahun pada kali ini adalah **'KEBERSAMAAN'**. Untuk memastikan kecemerlangan berterusan UTeM di persada antarabangsa, kita perlulah bekerjasama, bersatu padu dan berganding bahu dari segala aspek. Ahli akademik dan juga pentadbir-pentadbir hendaklah bersatu hati dalam memacu Universiti ke arah kecemerlangan. Sikap hormat menghormati dan bertolak ansur perlulah ditanamkan dalam diri

setiap keluarga UTeM bagi memastikan sesuatu misi dapat dijalankan dengan jayanya.

9. Menyedari akan kepentingan nilai kebersamaan ini, Majlis Sambutan Ulangtahun UTeM ke-22 dipenuhi dengan pelbagai aktiviti untuk merapatkan lagi ukhuwah sesama kita. Sebagai contoh pada pagi ini, kita telah menyertai program *brisk walk* di mana terdapat pelbagai aktiviti yang telah dilakukan bersama-sama sepanjang program tersebut berlangsung. Mendokong aspirasi 5

teras strategik, kita semua telah disatukan di dewan yang gah dan serba indah ini. Bukan itu sahaja, sesi pada waktu petang akan turut di isi dengan program sukaneka staf UTeM bersama ahli keluarga dan pada waktu malam akan diadakan UTeM berselawat dan solat jemaah bersama-sama.

10. Semua program ini dirancang dan di susun berteraskan satu nilai iaitu '**KEBERSAMAAN**'. Diharapkan dengan penganjuran majlis ini akan dapat merapatkan lagi hubungan di antara Keluarga UTeM.

***Individually we are one drop. But together we are an ocean***  
***(Ryunosuke Sataro)***

11. Sebelum saya mengakhiri ucapan pada pagi in, sekali lagi saya ingin mengucapkan sekalung penghargaan dan terima kasih juga kepada Jawatankuasa program yang komited dalam memastikan majlis ini dapat dilaksanakan mengikut perancangan.

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

Saya sudah ucapkan dengan Wabillahitaufik Walhidayah  
Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

